

BAB 4

METODOLOGI

4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan kaedah kajilidikan yang digunakan oleh pengkaji untuk mengutip data. Di samping penerangan mengenai kelebihan dan kelemahan kaedah yang digunakan sebagai landasan kajian pengkaji. Dua kaedah yang digunakan, ialah:

- (a) kaedah tinjauan teknik temu bual
- (b) kaedah dokumen.

4.2 Kaedah Tinjauan Teknik Temu Bual

Kaedah temu bual yang digunakan oleh pengkaji adalah temu bual separuh berstruktur. Kaedah ini tertumpu kepada tajuk yang diberikan. Walau bagaimanapun soalan-soalan yang bakal diajukan tidak ditentukan terlebih dahulu secara terperinci. Pengkaji telah menggunakan jenis soalan terbuka dalam kaedah temu bual separuh berstruktur ini untuk mendapat jawapan dan pandangan responden dari idea mereka sendiri.

Dengan menggunakan soalan terbuka juga dapat memberi kelonggaran dan membolehkan responden memberi jawapan-jawapan di luar jangkaan (Bailey, 1984, hal. 318). Tambahan Bailey lagi, oleh kerana soalan-soalan tidak dicatatkan terlebih dahulu, soalan-soalan itu boleh disesuaikan untuk menyiasat dengan teliti lapangan-lapangan yang nampaknya menghasilkan maklumat yang sesuai bagi hipotesis atau tajuk yang

dikaji. Menurut Chadwick dan rakan-rakannya (1984), menerusi soalan jenis ini dapat menggalakkan responden menjawab soalan mengikut pendiriannya sendiri dan memperlihatkan pandangan beliau mengenai sesuatu situasi itu.

Kaedah seumpama ini pernah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu umpamanya Graber (dalam Wimmer & Dominick, 1991, hal. 149) di mana beliau telah menemu bual 21 orang pengundi yang berdaftar berkenaan penggunaan media oleh mereka. Proses temu bual tersebut telah diadakan selama dua jam secara puratanya dan setiap pengundi itu telah ditemubual selama 20 jam. Pengundi atau responden itu telah dipilih secara rawak daripada pendaftaran pengundi yang berdaftar.

Misalnya, soalan terbuka seperti ini; “Dapatkah dipastikan prestasi organisasi penerbit akan meningkat jika kakitangannya diberi kursus dan latihan?” Jawapannya mungkin ya atau tidak. Tetapi menerusi soalan jenis ini, pengkaji masih boleh bertanya mengapa, cadangan dan harapan mereka. Jika menggunakan soalan tertutup, data yang pengkaji ingin ketahui mungkin agak sukar untuk didapati. Umpamanya, bagaimakah cara yang sesuai untuk meningkatkan prestasi editor menerusi latihan (1) kursus dalam negeri; (2) kursus luar negeri; (3) latihan profesional dan (4) ambil pekerja yang mempunyai pendidikan asas dalam bidang penerbitan. Jawapan yang diberi oleh responden akan terberhenti setakat itu sahaja. Agak sukar untuk pengkaji tahu mengapakah jawapan responden sedemikian rupa.

Kelonggaran dalam soalan terbuka ini juga boleh menghasilkan soalan-soalan yang sebenarnya merupakan satu siri penyiasatan yang teliti, iaitu yang boleh menyiasat dengan mendalam aspek-aspek fikiran subjektif responden dalam usaha mencari perasaan dan motifnya yang sebenar (Bailey, 1984, hal. 318). Soalan terbuka seumpama itu juga akan membuka ruang untuk memulakan kajian-kajian teroka (teoritis).

Pengkaji menggunakan kaedah tersebut sewaktu menemubual Pengurus Penerbitan CPSB di pejabatnya. Responden diberitahu tajuk dan objektif kajian. Responden ditanya mengenai masalah dalam penerbitan buku. Dari soalan asas tersebut, pengkaji membawa soalan-soalan berdasarkan tindak balas yang ditunjukkan oleh responden apabila mula menunjukkan minat dalam memperbincangkan soal masalah dan dilema dalam penerbitan buku. Misalnya, dari pertanyaan struktur organisasi kepada masalah dalamannya seperti kepakaran dan tenaga pekerja.

Keseluruhan bentuk temu bual yang dijalankan oleh pengkaji adalah kaedah pertanyaan fakta, pertanyaan pendapat, dan pertanyaan persepsi diri responden sendiri mengenai topik yang diperbincangkan.

Kaedah seumpama ini sesuai digunakan di dalam kajian pengkaji kerana sampel yang digunakan adalah kecil sahaja; meliputi Pengurus Penerbitan dan beberapa orang perseorangan yang terlibat. Kaedah ini juga dapat melihat pandangan, pemerhatian, pendapat, pengalaman dan perasaan responden. Proses temu bual ini juga mengambil satu jangka masa yang lama dan membenarkan ia berlaku beberapa kali berbanding dengan

kaedah tinjauan. Kejayaan dalam kaedah temu bual ini juga adalah bergantung dari hasil hubungan yang baik antara pengkaji dengan responden (Wimmer & Dominick, 1991, hal. 148).

Bailey (1984), telah mengenal pasti beberapa kebaikan daripada kajian temu bual ini, iaitu:

1. Penemubual boleh menyiasat dengan teliti untuk mendapatkan jawapan-jawapan yang lebih khusus dan boleh mengulangi sesuatu soalan apabila jawapan yang diperoleh itu menunjukkan bahawa responden tersalah faham. Mungkin juga kerana tidak semua soalan sesuai dengan semua responden. Situasi temu bual membolehkan pengkaji menentukan soalan-soalan manakah yang sesuai dan tidak perlu. Pengkaji terpaksa memberhentikan soalan tersebut. Jika pengkaji terus mendesak mungkin timbul hubungan yang agak tidak selesa di antara pengkaji dan responden. Hubungan ini penting seperti yang dikatakan oleh Wimmer dan Dominick di atas tadi. Jika pengkaji menggunakan kaedah soal selidik, pengkaji tidak akan dapat mengetahui sama ada soalan yang dikemukakan itu betul-betul difahami oleh responden. Pengkaji juga tidak dapat memastikan bahawa jawapan yang ditulis itu adalah jawapan dari responden itu sendiri. Ada kemungkinan jawapan itu ditulis atau dari pendapat orang lain.

2. Temu bual selalunya mempunyai kadar tindak balas yang lebih baik daripada soal selidik melalui pos. Kaedah ini memberi peluang kepada responden untuk memahami soalan yang ditanya dan bertanya semula jika masih agak samar-samar lagi.

Menurut Ahmad Mahdzan (1983, hal. 53), kaedah ini amat popular sekali. Dalam tiap-tiap temu bual akan berlakulah interaksi atau saling bertindak antara responden dengan pengkaji. Seluruh kejayaan ini bersandar kepada cara interaksi itu berjalan. Oleh yang demikian suasana semasa temu bual berlangsung amatlah penting.

Soalan-soalan yang dikemukakan kepada semua responden ialah:

1. Apakah masalah utama dalam pengurusan editorial?
2. Apakah masalah yang wujud dalam organisasi penerbit?
3. Apakah masalah yang wujud dalam proses pengurusan editorial?
4. Apakah masalah sampingan yang wujud dan turut mempengaruhi pengurusan editorial?
5. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh penerbit untuk mengatasi masalah yang wujud itu?

4.3 Kaedah dokumen

Menurut Ahmad Mahdzan (1983, hal. 9), mengumpul data dari kaedah dokumen boleh dilakukan dari sumber asal (tinjauan) juga dari sumber sekunder seperti Buku Tahunan, Laporan Jabatan Perangkaan, Kementerian Pertanian, laporan badan berkanun, firma, persatuan perniagaan dan lain-lain. Menurut beliau, semua badan ini sentiasa menerbitkan berbagai-bagai data perangkaan dan lain-lain. Menurut

beliau, semua badan ini sentiasa menerbitkan berbagai-bagai data perangkaan yang berguna kepada penyelidik di bidang sosioekonomi. Bailey (1984, hal. 484) pula berpendapat analisis dokumen ialah apa yang dimaksudkan sebagai mana-mana bahan bertulis yang mengandungi maklumat mengenai fenomena yang hendak kita kaji.

Beliau telah mendefinisikan dokumen kepada dua: (1) dokumen utama, iaitu gambaran bertulis orang-orang yang melihat dan mengalami sendiri atau tingkah laku tertentu dan (2) dokumen sekunder ialah dokumen yang berdasarkan kepada gambaran oleh orang yang tidak melihat peristiwa-peristiwa itu tetapi telah menerima maklumat-maklumat yang penting untuk menyusun dokumen dari orang-orang yang melihat peristiwa atau dengan membaca dokumen-dokumen utama.

Di dalam kajian ini, pengkaji lebih banyak menggunakan dokumen utama seperti minit mesyuarat, kertas kerja dan kertas dasar penubuhan penerbit. Di samping menggunakan brosur, eseai ilmiah, katalog, dan buku sebagai dokumen tambahan.

- (f) berurusan dengan Jabatan Pemasaran berkaitan publisiti dan promosi.

Mengikut buku itu lagi, seorang editor yang profesional juga harus mempunyai hubungan yang baik dengan beberapa kedai buku, institusi yang berkaitan, orang-orang akademik dan mereka-mereka yang boleh menjadi penulis atau pembaca.

Editor di CPSB berpendapat tidak perlu tahu apa-apa tentang pemasaran. Tugas tersebut diletakkan sepenuhnya kepada Jabatan Jualan. Pengenalan dan pengamalan *New Book Announcement* (NBA) juga adalah bersifat sementara sahaja kerana editor menganggap ia adalah sesuatu yang membebankan. Walau bagaimanapun, secara teorinya NBA adalah satu bahan yang perlu dan penting untuk pihak jualan. Ini ditambah pula CPSB tidak mempunyai tenaga kerja pemasaran. Syarikat hanya bergantung kepada Jabatan Jualan sahaja. Ini tidak mencukupi kerana Jabatan Jualan hanyalah berfungsi mengambil pesanan daripada kedai-kedai buku, berurusan dengan pihak khidmat pelanggan untuk urusan penghantaran. Oleh yang demikian, pihak pengurusan editorial tidak boleh melepaskan tanggungjawab mereka apabila buku itu telah diterbitkan.

Menurut M. Lincoln Schuster (dalam Albert N. Greco, hal.122), seorang editor yang efektif haruslah belajar untuk berfikir dan merancang dan mengambil keputusan seperti dia adalah seorang penerbit atau pemilik syarikat itu.

Hubungan antara editor dengan pihak jualan syarikat amat penting pada peringkat awal. Editor harus menyakinkan pihak jualan kenapa buku itu harus diterbitkan. Apa